

KONSEP *AL-TAKHALLŪ* DAN *AL-TAHALLŪ* SHAYKH ABD AL-SAMAD IBN  
MUHAMMAD ṢALĪḥ AL-KALĀNTĀNĪ BERDASARKAN KITAB *JALĀ'*  
*AL-QULŪB BI DHIKR ALLĀH*

WAN KAMRUZAMAN BIN WAN DRAHMAN

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SASTERA (USULUDDIN)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan proses *al-takhallī* dan *al-tahallī* yang berfokus kepada sebuah kitab yang bertajuk *Jalā' al-Qulūb Bi Dhikr Allāh* oleh Hj. 'Abd Al-Şamad ibn Muḥammad Ṣalīḥ al-Kalantani (Tuan Tabal). *Al-takhallī* dan *al-tahallī* ialah satu proses penyucian dan penjernihan jiwa yang merupakan satu persoalan penting dalam disiplin ilmu Tasawuf yang semakin ditinggalkan dan dilupakan oleh sebilangan besar umat Islam malah dianggap amalan yang sesat. Kajian ini bertujuan meneliti secara mendalam konsep dan kedudukan *al-takhallī* dan *al-tahallī* dalam disiplin ilmu Tasawuf, cara dan langkah bagaimana proses pembersihan dan penjernihan jiwa dilakukan serta kewajarannya dalam amalan tarekat bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis hubung kait *al-takhallī* dan *al-tahallī* dengan hasil penjernihan jiwa yang disebut *Wahdah al-Wujūd* oleh pengarang, tetapi dikatakan bertentangan dengan akidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan melibatkan data sekunder berbentuk dokumentasi dan histori yang dijalankan untuk pengumpulan data bagi mendapatkan fakta yang tepat, pandangan para alim ulama yang muktabar daripada kitab-kitab tasawuf, al-Quran dan al-Sunnah. Kajian Lapangan pula dilakukan untuk mendapatkan data berbentuk primer menerusi temu bual dengan pengamal tarekat tentang amalan *al-takhallī* dan *al-tahallī* serta kedudukan amalan meraka mengikut al-Quran dan al-Sunnah (metode interview, metode observasi). Rumusan kajian ini, bahawa *al-takhallī* dan *al-tahallī* merangkumi disiplin amalan berzikir bagi penjernihan jiwa dan pencapaian hakikat keesaan Allah SWT iaitu *Wahdah al-Wujūd* yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta pemahaman akidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Kajian ini memberi implikasi dari segi teori dan praktikal kepada semua umat Islam bukan sekadar terhenti pada lapangan ilmu sahaja tetapi mestilah beramal dengan amalan tauhid yang dihayati dalam kehidupan seharian agar dibuka rahsia ketuhanan (makrifat) pada hati yang suci daripada *Syirk Jañī*, *Khañī* dan *Khaff al-Khañī*.

**CONCEPT OF *AL-TAKHALLĪ* AND *AL-TAHALLĪ* SHAYKH 'ABD AL-ŞAMAD  
IBN MUHAMMAD ŞALİH AL-KALANTANI BASED ON THE BOOK  
*JALĀ' AL-QULŪB BI DHIKR ALLĀH***

### ABSTRACT

This study discusses the process of *al-takhallī* and *al-tahallī* in which focusing on the book entitled *Jalā' al-Qulūb Bi Dhikr Allāh* by Hj. 'Abd al-Şamad Muhammed ibn Şalih al-Kalantani (Mr. Tabal). *Al-takhallī* and *al-tahallī* are the process of sanctification and purification of the soul which are the important questions in the discipline of Sufism that is increasingly abandoned and forgotten by the majority of Muslims but the practice is considered as deviant. This study aims to examine in depth the concept and positioning *al-takhallī* and *al-tahallī* in Sufism disciplines, methods and measures on how the process of cleansing and purification of the soul are done and justified in Sufi practices that derived from al-Quran and al-Hadith. In addition, the study also aims to analyze the correlation between *al-takhallī* and *al-tahallī* with the results of the purification of the soul called *Wahdah al-Wujūd* by the author, but it is said to be contrary to the belief of Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. This study uses literature review and field survey. Library research involving secondary data in the form of documentation and historical review method are conducted for data collection to obtain accurate facts, the views of the authentic scholars of the scriptures Sufism, al-Quran and al-Sunnah. Field studies were carried out to obtain the form of primary data through interviews with the practitioners of al-Sufi *al-takhallī* and *al-tahallī* including the standing of the practice arrangements to the Quran and Sunnah (interview method, the method of observation). In conclusion, the study of *al-takhallī* and *al-tahallī* are considered as the disciplines of devotional chanting for purification of the soul and the achievement to the fact of Oneness of Allah SWT *Waḥdah al-Wujūd* which in accordance to the Quran and Sunnah and the understanding of Ahlus Sunnah Wal Jama'ah's faith. This study has implications in terms of theory and practice to all Muslims not just stop in the field of knowledge but must also work with monotheism practices in ones daily life in order to open the secret of divinity (enlightened) through the sacred heart away from *Syirk Jali*, *Khaffi* and *Khafi al-Khafi*.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN	8
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	13
1.4 SOALAN KAJIAN	14
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	15
1.6 PENGERTIAN TAJUK	17
1.7 KAJIAN LITERATUR	18
1.8 METOD KAJIAN	23
1.9 SISTEMATIKA PENULISAN	26
1.10 PENUTUP	29

**BAB 2 KONSEP *AL-TAKHALLĪ* DAN *AL-TAHALLĪ* MENURUT  
ILMU TASAWUF**

2.1	PENDAHULUAN	30
2.2	DEFINISI <i>AL-TAKHALLĪ</i> DAN <i>AL-TAHALLĪ</i>	31
2.2.1	Menurut Bahasa Dan Istilah	31
2.2.2	Hubung Kait Antara Istilah <i>Tahārah</i> , <i>Tazkiyat</i> , <i>Mujāhadah</i> , <i>Riyādah</i> Dan <i>Taṣfiyah</i> Dengan <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	33
2.2.3	Definisi <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i> Menurut Al-Quran Dan Al-Hadith	39
2.2.4	Definisi <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i> Menurut Pandangan Ulama Dan Sarjana	46
2.3	HUKUM BERAMAL DENGAN <i>AL-TAKHALLĪ</i> DAN <i>AL-TAHALLĪ</i>	52
2.3.1	Hukum Menurut Al-Quran	52
2.3.2	Hukum Menurut Al-Hadith Rasulullah SAW	59
2.3.3	Hukum Menurut Pandangan Ulama	61
2.4	<i>AL-TAKHALLĪ</i> DAN <i>AL-TAHALLĪ</i> DALAM ILMU TASAWUF	65
2.4.1	Kepentingan <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i> Dan Tuntutannya	67
2.4.2	Pra Syarat <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	71
2.4.3	Proses <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i> Dalam Disiplin Tasawuf	74
2.4.4	Hubungan Zikir Dengan <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	80
2.4.5	Peringkat Dan Bahagian <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	85
2.4.6	Natijah <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	89
2.5	KESIMPULAN	92

**BAB 3 RIWAYAT HIDUP SHAYKH ‘ABD AL-ŞAMAD AL-KALANTANI  
DAN LATAR BELAKANG TEKS *JALĀ’ AL-QULŪB BI DHIKR ALLĀH***

3.1	PENDAHULUAN	93
3.2	RIWAYAT HIDUP SHAYKH ‘ABD AL-ŞAMAD IBN MUHAMMAD ŞALIH AL-KALANTANI	94
3.2.1	Pengenalan Peribadi	94

3.2.2 Kelahiran	99
3.2.3 Latar Belakang Keluarga	100
3.2.4 Pendidikan	101
3.2.5 Sifat Peribadi	103
3.2.6 Hasil Karya	104
3.2.7 Kematian	108

3.3	PENGAMALAN TAREKAT AHMADIYAH MELALUI HUBUNGAN SYARIAT, AQIDAH DAN TASAWUF	110
3.4	LATAR BELAKANG TEKS <i>JALĀ' AL-QULŪB BI DHIKR ALLĀH</i>	114
3.4.1	Pengenalan Teks	114
3.4.2	Sebab-sebab Penulisan Kitab <i>Jalā' al-Qulūb</i>	116
3.4.3	Sinopsis dan Ulasan Kandungan Teks	118
3.4.3.1	Bahagian Prakata	118
3.4.3.2	Bahagian Mukadimah	120
3.4.3.3	Bahagian Isi Kandungan (Fasal)	122
3.4.3.4	Bahagian Khātimah	126
3.4.3.5	Gaya Bahasa	126
3.5	KESIMPULAN	129

**BAB 4 PEMIKIRAN TASAWUF SHAYKH 'ABD AL-ŞAMAD  
AL-KALANTANI DAN KONSEP AL-TAKHALLI DAN AL-TAHALLI  
DALAM KITAB JALĀ' AL-QULŪB BI DHIKR ALLĀH**

4.1	PENDAHULUAN	132
4.2	PEMIKIRAN TASAWUF SHAYKH 'ABD AL-ŞAMAD AL-KALANTANI MENGENAI TAUHID DAN WAHIDAT AL-WUJUD DALAM KONSEP AL-TAKHALLI DAN AL-TAHALLI	133
4.2.1	Tauhid Shaykh 'Abd Al-Şamad Al-Kalantani	133
4.2.2	Wahidah Al-Wujud Menurut Shaykh 'Abd Al-Şamad Al-Kalantani	138
4.2.3	Persamaan Pandangan Beberapa Ulama Dan Sarjana Tentang Wahidah Al-Wujud Shaykh 'Abd Al-Şamad Al-Kalantani	141
4.3	KONSEP TAKHALLI DAN TAHALLI SHAYKH 'ABD AL-ŞAMAD IBN MUHAMMAD ŞALIH AL-KALANTANI MENERUSI KITAB JALĀ' AL-QULŪB.	152
4.3.1	Kasih Kepada Allah SWT	159
4.3.2	Tawajuh Kepada Allah SWT	162

4.3.3	Mengesakan Af ‘al Allah SWT	164
4.3.4	Tawakal Kepada Allah SWT	166
4.3.5	Serah Segala Pekerjaan Kepada Allah SWT	168
4.3.6	Sabar Di Atas Bala Allah SWT	169
4.3.7	Reda Dengan Qadak Allah SWT	171
4.3.8	Menghinakan Diri Bagi Kebesaran Allah SWT	172
4.3.9	Fakir Hakiki Pada Allah SWT	174
4.3.10	Fana Di Dalam Baqa Dengan Allah SWT	176
4.4	HUBUNG KAIT KONSEP <i>AI-TAKHALLĪ</i> DAN <i>AL-TAHALLĪ</i> DALAM KITAB <i>JALĀ’ AL-QULŪB</i> DENGAN KITAB-KITAB LAIN	181
4.4.1	Hubung Kait <i>Jalā’ Al-Qulūb</i> Dengan Hasil-hasil Karyanya Yang Lain	182
4.4.2	Hubung Kait <i>Jalā’ Al-Qulūb</i> Dengan Hasil-hasil Karya Pengarang Yang Lain	184
4.5	KESIMPULAN	185
<b>BAB 5 PENUTUP</b>		
5.1	PENGENALAN	190
5.2	KESIMPULAN	191
5.3	SARANAN	202
5.4	CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	204
<b>RUJUKAN</b>		206
<b>SENARAI TEMU BUAL</b>		218
<b>LAMPIRAN</b>		219

**SENARAI JADUAL**

Jadual	Tajuk	Muka Surat
2.1	Zikir Mengikut Peringkat, Bahagian Dan Tujuan	81
2.2	Peringkat Dan Bahagian <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	85
4.1	Sepuluh Sifat Yang Perlu Melalui Proses <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	154

## **SENARAI RAJAH**

Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Rukun Agama	2
2.1	Hubung Kait Antara Istilah Ṭaharah, Tazkiyat, Mujāhadah, Riyādah Dan Taṣfiyah Dengan <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	34
2.2	Peringkat Mencapai Makrifat Allah SWT	66
2.3	Amalan Disiplin Tasawuf	77
2.4	Natijah <i>Al-Takhallī</i> Dan <i>Al-Tahallī</i>	90
5.1	Kepentingan <i>Wahdat Al-Wujūd</i>	200
5.2	Pendekatan Pemahaman Baru <i>Wahdat Al-Wujūd</i>	201

## SENARAI KEPENDEKAN

AS	‘Alayh al-Salam
Bil.	Bilangan
c.	Cetakan
dll.	Dan lain-lain
Ed.	Edisi
et al.	Pengarang dan lain-lain
h.	Halaman
H	Hijrah
Hj.	Haji
Hjh.	Hajjah
Ibid.	Rujukan berturut
j.	Juzuk
jil.	Jilid
M	Masihi
op.cit.	Rujukan berselang
Pen.	Penyelidik
(r.a)	<i>radiya’ Llāh ‘anh</i>
(r.h.)	<i>Rahimahu’Llāh</i>
SAW	<i>Salla’Llāhu ‘alayh wa Sallam</i>
SWT	<i>Subḥānahu wa Ta‘āla</i>
terj.	Terjemahan
(t.np.)	Tanpa Nama Pengarang
(t.pt.)	Tanpa Penerbit
(t.th.)	Tanpa Tahun
(t.tp.)	Tanpa Tempat
m.	Meninggal

## PANDUAN TRANSLITERASI

b = ب	z = ز	f = ف
t = ت	s = س	q = ق
th = ث	sh = ش	k = ك
j = ج	s = ص	l = ل
h = ح	d = ض	m = م
kh = خ	t = ط	n = ن
d = د	z = ظ	h = ه
dh = ذ	' = ع	w = و
r = ر	gh = غ	y = ي

Pendek: a = ' ; i = ڦ ; u = ڻ

Panjang: ڻ = ڻ ; ڦ = ڦ ; ڻ = ڻ

Diftong: ay = ا ی ; aw = او

Beberapa istilah Arab yang telah dimelayukan digunakan dan dikenalkan dalam bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti akidah, sahsiah, ulama, Rasulullah SAW dan sebagainya. Begitu juga dengan istilah bahasa Inggeris yang telah dimelayukan.

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran	Tajuk	Muka Surat
A	Kitab <i>Jalā' Al-Qulūb Bi Dhikr Allāh</i> Cetakan Matba'ah Al-Kamāliyah: Kota Bahru, Kelantan	219
B	Kitab <i>Jalā' Al-Qulūb Bi Dhikr Allāh</i> Cetakan Khazanah Al-Fathāniah: Kuala Lumpur	220
C	Surau Shaykh 'Abd Al-Şamad Ibn Muḥammad Şālih Al-Kalantānī (Tuan Tabal) Terletak Di Lorong Tok Semian Dan Makam Shaykh 'Abd Al-Şamad Ibn Muḥammad Şālih Al-Kalantānī (Tuan Tabal) Terletak Di Tanah Perkuburan Islam Kampung Banggol, Kota Bahru, Kelantan.	221
D	Tranliterasi Jawi-Rumi Kitab <i>Jalā' Al-Qulūb Bi Dhikr Allāh</i>	222

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN


Ilmu tasawuf mendapat tempat yang ketiga dalam hierarki disiplin ilmu Islam selepas ilmu tauhid dan ilmu fikah. Kedudukan ketiga-tiga ilmu ini merujuk kepada Hadith Rasulullah SAW, apabila malaikat Jibrail bertanyakan tentang Islām, Imān dan Iḥsān:

**قال فأخبرني عن الاحسان قال ان تعبد الله كأنك تراه فان لم تكن تراه فانه يراك**

Terjemahan Hadith : Berkata Malaikat Jibrail kepada Nabi Muhammad SAW. Khabarkan olehmu kepadaku berkenaan Iḥsān, berkata Nabi bahawa engkau melakukan ibadat seolah-olah kamu melihat Allah SWT jika tidak, seolah-olah kamu merasa Allah SWT melihat kamu<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Al-Nasā'ī, Ahmad ibn Syū'ib (1986), *al-Sunan al-Soghīr li al-Nasā'ī*, c.2.j.8, bab : *Na't al-Islām*, Hadith no: 4990, tahqiq: 'Abd al-Fatāḥ Abū Ghaddah, Halb: Maktab al-Matbū'at al-Islāmiyah, hlm.97.

Menurut Hj. Jahid bin Hj. Sidek<sup>2</sup>, rukun agama dari sudut ilmu, Islām melahirkan ilmu fikah (ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah). Imān melahirkan ilmu tauhid dengan segala perbahasannya manakala Ihsān melahirkan ilmu tasawuf dengan segala perbahasannya. Rukun agama dari sudut amalan, amalan tingkat Islām pada anggota zahir dengan ilmu fikah. Amalan tingkat Imān pada hati dan fikiran iaitu berzikir<sup>3</sup>, *tafakkur*<sup>4</sup> dan *tadhakkur / murāqabah*<sup>5</sup> dengan ilmu tauhid. Amalan tingkat Ihsān pada roh dengan *mushāhadah*<sup>6</sup> dan *sīrr*<sup>7</sup> menerima *al-tajallī*<sup>8</sup> hidayat Allah dengan ilmu tasawuf.<sup>9</sup> Gambaran rukun agama dapat dinyatakan seperti berikut :



Rajah 1.1. Rukun Agama

Sumber: Hj. Jahid bin Hj. Sidek (2009), Sembahyang Yang Khusyuk, Kertas Kerja Seminar Pendidikan Islam, di Auditorium Pustaka, Miri, Sarawak.

Menurut Shaykh Ahmad Zarruq (m.899H), tasawuf suatu ilmu bertujuan memperbaik hati dan menumpukannya hanya kepada Allah SWT semata-mata tanpa

<sup>2</sup> Tuan Guru Hj. Jahid bin Hj. Sidek al-Khalidi adalah seorang shaykh dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah. Beliau memimpin amalan khalwah/uزلah/suluk sehingga kini di dua buah surau suluk Madrasah Babul-Khayrat, Jalan Suka, Kampung Melayu Majidi, Johor Bahru dan di Madrasah Madinatul Ilmi di Jalan Pekan-Kuantan, Kuantan, Pahang, dan memimpin majlis zikrullah dan tawajuh di beberapa tempat di seluruh Malaysia. Dengan kefahaman, kepakaran dan pengalaman berhubung hal ewhal tarekat dan tasawuf, beliau telah diberikan kepercayaan dan diamanahkan oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan sebagai Ahli Majlis Tariqah-Tariqah Sufiyah (*Jalsah Turuq Sufiyah*) di bawah Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan pada Mac 2007, antara lainnya bertujuan menasihati, memantau dan mengembalikan kedudukan dan perjalanan tarekat dan tasawuf mengikut Al-Quran dan Sunnah.

<sup>3</sup> Mengulangi menyebut nama Allah SWT dengan lisan dan hati (*tafakkur*), lihat Mamdūh al-Zūby, 2004, *Mu‘jam al-Sūfiyah*, c.1, Bayrut: Dār al-Fil, hlm.170; Kehadiran (merasakan wujud) Allah SWT (tidak menyerupai sesuatu) berserta keagungan, kebesaran, kemuliaan dan kekuasaan-Nya (*tadbīr*), lihat Hassan Sharqāwy, 1987, *Mu‘jam Alfāz al-Sūfiyah*, c.1, Kāherah: Mua’sah al-Mukhtār, hlm.143.

<sup>4</sup> Kehadiran hati mengenal sesuatu; Penjernihan hati; Mengetahui dengan mata hati dan melihat dengannya kebaikan dan keburukan, manfaat dan mudarat. Lihat Hassan Sharqāwy, 1987, hlm. 88.

<sup>5</sup> Keyakinan hamba sentiasa diawasi oleh Allah SWT pada setiap keadaan pada hati, diri dan meliputi rahsia batinnya. Lihat Mamdūh al-Zūby, 2004, op.cit., hlm.374.

<sup>6</sup> Menyaksikan hakikat kesedaran ketuhanan dengan mata hati dengan nyata seolah-olah melihat Allah SWT dengan mata kasar. ibid., hlm.379.

<sup>7</sup> Tersembunyi: Satu rahsia antara tidak ada (*al-‘Adam*) dengan ada (*al-Wujūd*), wujud pada makna-Nya. *Sīrr* adalah rahsia *al-Haqq* tidak boleh diintai oleh makhluk sedangkan rahsia makhluk dapat diintai oleh *Haqq* tanpa perantaraan. Rahsia *Haqq* hanya diketahui oleh *Haqq*. Lihat al-Ṭūsī, Abu Naṣr al-Sarrāj, 1960, *al-Luma‘, tahqīq: ‘Abd Ḥalīm Maḥmūd*, Mesir: Dār al-Kitab al-Ḥadīth Wa Bagdad Maktabah al-Muthnā, hlm.430.

<sup>8</sup> Tersingkap cahaya pada hati yang menerima hakikat ketuhanan. ibid., hlm.439.

<sup>9</sup> Hj. Jahid bin Hj. Sidek, Kuliah Bulanan dan Majlis Tawajuh di Kampung Aur, Kuala Terengganu pada 21/7/08.

yang lain (*maqām al-tafrīd*)<sup>10</sup>. Ilmu fikah bertujuan memperbetul amalan, menjaga peraturan dan menzahirkan hikmah terhadap hukum-hakam. Ilmu tauhid bertujuan untuk memantapkan permulaan keimanan dengan dalil-dalil dan menghiasi iman dengan keyakinan<sup>11</sup>.

Menurut fatwa Imam al-Hafiz al-Sayyid Muḥammad Ṣiddiq al-Ghumārī, Islām ialah taat dan ibadah. Imān ialah cahaya dan akidah manakala Iḥsān ialah tingkat (*maqām*) kerohanian *murāqabah* dan *mushāhadah*. Sesiapa yang tidak menyempurnakan rukun Ihsan yang merupakan tarekat tanpa ragu-ragu lagi agamanya tidak sempurna kerana meninggalkan satu rukun daripada rukun agama. Kemuncak matlamat yang diseru dan diisyaratkan oleh tarekat ialah tingkat Ihsān setelah memperbetul Islām dan Imān<sup>12</sup>.

Di sini, ilmu dan amalan tasawuf merupakan kaedah bagi menyempurnakan ibadat (Islām) dan akidah (Imān) serta menyampaikan seseorang kepada darjat Ihsān (makna dan hakikat tasawuf) itu sendiri bagi melengkapkan rukun agama sehingga melahirkan sifat sempurna kehambaan seseorang terhadap Allah SWT.

Kedudukan ilmu tasawuf yang tinggi nilainya setanding dengan ilmu tauhid dan ilmu fikah disebabkan inti pati keseluruhan ilmu ini melibatkan proses membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela (*al-takhallī*) dan diisi dengan sifat terpuji (*al-tahallī*). Kedua-dua proses ini menyempurnakan diri seseorang sebagai

<sup>10</sup> *Maqām* : tingkat / kedudukan / tahap kerohanian yang dicapai dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT . Lihat al-Ṭūsī, Abū Naṣr al-Sarrāj, 1960, op.cit., hlm.411; *Tafrīd* Menunggal yang tunggal dengan menghilangkan segala makhluk (*al-Hadīth*). Menunggalkan Zat yang Maha Qadim (Allah SWT semata-mata) dengan wujud hakikat keesaan. ibid., hlm.425.

<sup>11</sup> Al-Zarruq, Ahmad ibn Ahmad al-Barnasī, 2004, *Qawā'id al-Taṣawwūf 'alā Wahj Yajma'* Bain al-Syarā'ah Wa al-Haqīqah Wa Yāsīl al-Uṣūl Wa al-Fiqh Bī al-Tarīqah, Damsyiq: Dār al-Bayrūt, hlm.26.

<sup>12</sup> Abd. Qādir 'Isā, 1970, *Haqīq 'an al-Taṣawwūf*, England: Diwan Press, hlm.22-23.

*muslim*, manakala *mu'min* menuju kepada *muhsin* seperti tuntutan Hadith yang dinyatakan di atas. Proses ini juga menepati firman Allah SWT dalam rangka seseorang hamba memperoleh kejayaan yang dicita-citakan di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT :

قد أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ حَابَ مَنْ دَسَّهَا <sup>١٣</sup>

Ertinya: 9. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-bertambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan), 10. Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Terjemahan surah al-Syam [91:9-10]

Ayat di atas menunjukkan pentingnya proses *al-takhallī* dan *al-tahallī*. Para ulama menyediakan satu ilmu iaitu ilmu tasawuf untuk dikuasai oleh umat Islam, selain ilmu tauhid dan ilmu fikah agar berjaya menjadi golongan yang terpilih (yang dikehendaki Allah SWT) sebagaimana firman-Nya :

وَلِكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَنْ يَشَاءُ

Ertinya: Akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya)

Terjemahan surah al-Nur [24:21]

Proses *al-takhallī* dan *al-tahallī* merupakan amalan Rasulullah SAW bermula dengan mengasingkan diri menjelang penurunan wahyu dan peringkat awal wahyu diturunkan<sup>14</sup>. Selepas berhijrah ke Madinah, baginda mengasingkan diri pada sepuluh

<sup>13</sup> Semua terjemahan ayat al-Qurān dalam kajian ini adalah berdasarkan al-Qurān dan terjemahannya, Tafsir Pimpinan al-Rahman, Muṣḥaf Malaysia, Rasm Uthmani (2001), c.12, Kuala Lumpur: Dār al-Kitab.

<sup>14</sup> Ibnu Kathir, Ismā'īl ibn al-Khatib, 1992, *Tafsir ibn Kathir*, Bayrut: Dār al-Fikr, jil.4, hlm.645.

hari terakhir dalam bulan Ramadan sehingga baginda wafat<sup>15</sup>. Surah-surah terawal memberikan isyarat *al-takhalīf* dan *al-tahālīf* yang perlu diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat (r.a) secara berterusan dan konsisten seperti dalam surah *al-Muzammil* dan *al-Muddaththir*. Sebagai contoh firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا الْمُزَمِّلُ ۝ قُمِ الْأَلَيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ۝ نِصْفَهُ أَوْ أَنْقُصَ مِنْهُ قَلِيلًا ۝  
 أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتَّلِ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ۝ إِنَّا سَنُلْقِنِي عَلَيْكَ قَوْلًا ۝  
 ثَقِيلًا ۝ إِنَّ نَاسِئَةَ الْأَلَيْلِ هِيَ أَشَدُ وَطَعَاءً وَأَقْوَمُ قِيلَاً ۝ إِنَّ لَكَ فِي  
 الْأَنَّهَارِ سَبَحًا طَوِيلًا ۝ وَادْجُرْ أَسْمَ رَبِّكَ وَتَبَّلْ إِلَيْهِ تَبَّيْلًا ۝ رَبُّ  
 الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا ۝ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا  
 يَقُولُونَ وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ۝

Ertinya: 1.Wahai orang yang berselimut, 2.Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat),3.Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, 4.Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan “Tartiil”. 5.(Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu), kerana sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahi (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya). 6.Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya.7.(Kami galakkan engkau dan umatmu beribadat pada waktu malam), kerana sesungguhnya engkau pada siang hari mempunyai urusan-urusan yang panjang kira bicaranya; 8. Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan.9.Dialah Tuhan yang menguasai timur dan barat; tiada Tuhan melainkan Dia; maka jadikanlah Dia Penjaga yang menyempurnakan urusanmu.10.Dan bersabarlah terhadap apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu), dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik.

Terjemahan surah al-Muzammil [73:1-10]

<sup>15</sup> ibid., jil.4, hlm.653.

Kehidupan para sahabat (r.a) pada peringkat awal mendapat pujian daripada Allah SWT kerana hidup mereka berlandaskan Ihsān yang telah membawa kejayaan yang diredayai oleh Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT :

وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ  
بِإِحْسَانٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا  
الْأَنْهَرُ خَلِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Ertinya:100. Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang “Muhajirin” dan “Ansaar”, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.

Terjemahan surah al-Tawbah [9:100]

Secara umumnya, proses mendekatkan dan menghampiri diri kepada hadrat *al-Rububiyyah*<sup>16</sup> melalui konsep *al-takhalli* dan *al-tahalli* dilakukan dengan zikir yang merupakan satu ajaran Allah SWT yang cepat dan pantas dalam menghubungkan antara hamba dengan pencipta (*Khāliq*)nya. Pengamalan zikir bererti mengadakan latihan jiwa (*riyādat al-nafs*) dan berjuang melawan nafsu (*mujāhadat al-nafs*), membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela (*al-takhalli*) dan diisi dengan sifat terpuji (*al-tahalli*) dengan melalui pemberian budi pekerti (akhlak) dalam pelbagai segi<sup>17</sup>.

<sup>16</sup> Pengesaan Allah SWT dalam penciptaan, pentadbiran, penguasaan dan sebagainya. Lihat *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*, 1991, c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.54.

<sup>17</sup> Lihat huraihan pada perkataan *al-Dhikr*, Hassan Sharqawiy, 1987, op.cit., hlm.143-144.

Melalui pengamalan wirid dan zikir diiringi *tafakkur* secara berterusan akan dapat mewujudkan rasa ingat kepada Allah SWT. Seterusnya, timbul rasa takut dan menjauhi segala bentuk yang menyebabkan seseorang lupa kepada Allah SWT. Jika hal itu dapat dilakukan dengan penuh keikhlasan dan ketaatan, tidak mustahil seorang hamba Allah SWT akan dapat mencapai tingkat *alam ma'rifat*. Hasil pengalaman kerohanian ( *ma'rifat i'tibārī* ), ini dikenali sebagai “*wahdat al-wujūd*”<sup>18</sup> yang dibincang sama ada ianya mengikut kesucian aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama‘ah atau bertentangan dengan ajaran Islam.

Kitab *Jalā’ al-Qulūb bi Dhikr Allāh*<sup>19</sup> yang menjadi penelitian penyelidik merupakan hasil penulisan Shaykh ‘Abd al-Şamad ibn Muhammād Ṣāliḥ al-Kalantānī. Kitab ini membicarakan ilmu tasawuf yang lebih tertumpu kepada persoalan cara membersih dan menjernihkan hati dan akhirnya mencapai tingkat alam makrifat yang dikenali sebagai *wahdat al-wujūd*. Kitab *Jalā’ al-Qulūb* mengandungi panduan para *sālik*<sup>20</sup> untuk mengamalkan *al-takhallī* dan *al-taħallī*. Secara keseluruhan, kitab ini mengandungi sepuluh bab yang dimulai dengan mukadimah, fasal pada menyatakan kasih kepada Allah, fasal pada menyatakan tawajuh kepada Allah, fasal pada menyatakan mengesakan afal Allah SWT, fasal pada menyatakan tawakal kepada Allah SWT, fasal pada menyatakan serah segala pekerjaan kepada Allah SWT, fasal pada menyatakan sabar dengan bala Allah SWT, fasal pada menyatakan reda dengan qadak Allah SWT, fasal pada menyatakan menghinakan diri bagi kebesaran Allah SWT, fasal pada menyatakan fakir hakiki pada Allah

<sup>18</sup> Lihat penjelasan tentang *wahdat al-wujūd* pada hlm.139.

<sup>19</sup> ‘Abd al-Şamad ibn Muhammād Ṣāliḥ, 1936, *Jalā’ al-Qulūb bi Dhikr Allāh*, Kota Bahru: Matba’ah al-Kamāfiyah. Penyelidik akan menggunakan singkatan nama *Jalā’ al-Qulūb* dalam kajian ini.

<sup>20</sup> Orang yang menjalani suluk (disiplin rohani bagi mencapai matlamat). Lihat Hassan Sharqāwy, 1987, *Mu’jam Alfāz al-Sūfiyah*, c.1, Kāherah: Mu’asib al-Mukhtār, hlm.171.

SWT, fasal pada menyatakan fana dalam baqa dengan Allah SWT dan diakhiri dengan khafīmah.

Pengarang kitab *Jalā' al-Qulūb* dalam kajian ini, iaitu Shaykh 'Abd al-Şamad ibn Muḥammad Ṣāliḥ al-Kalantāñ atau Tuan Tabal<sup>21</sup>. Beliau merupakan ulama pada abad ke-19 yang mempelopori tarekat Ahmadiyah di Malaysia di Surau Jalan Tok Semian Kota Bharu, Kelantan. Beliau memainkan peranan dalam menyebarkan Islam menerusi pengajaran kuliah dan penulisan. Beliau juga mahir dalam ilmu fiqh mazhab Syafie, ilmu usuluddin dan lebih tertumpu kepada ilmu tasawuf. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa kitab penulisan beliau seperti kitab *Munyah al-Ahl Awbah Fi Bayan al-Tawbah*, kitab *Munabbih al-Ghafilin*, kitab *Jalā' al-Qulūb* dan kitab Bab Harap.

## 1.2 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Bersesuaian dengan tajuk disertasi, “Konsep *al-Takhalī* dan *al-Taħallī* Shaykh 'Abd al-Şamad ibn Muḥammad Ṣāliḥ al-Kalantāñ” penyelidik dapat membuat beberapa rumusan berdasarkan permasalahan kajian iaitu:

1.2.1 Menurut Hj. Jahid bin Hj. Sidek dalam bahagian kata pengantar bukunya, hari ini ilmu tasawuf dan amalan tarekat yang begitu penting dalam Islam bukan sahaja telah ditinggalkan dan dilupakan oleh sebilangan besar umat Islam, juga telah

<sup>21</sup> Iaitu gelaran beliau sempena nama kampung tempat kelahiran di selatan Thailand. Lihat El-Muhammady, Muhammad 'Uthman, 1972, “Ajaran Tasawwuf Tuan Tabal” dalam *Jurnal Nusantara*, Januari (1), hlm.115.

dianggap sebagai ilmu dan amalan yang sesat<sup>22</sup>. Manakala Shaykh ‘Abd Qādir ‘Isā berkata telah lenyap daripada pemikiran kebanyakan manusia bahawa tasawuf adalah *manhaj* atau metode amali yang sempurna, mampu mengubah manusia daripada sahsiah menyeleweng kepada sahsiah Muslim *mithālīyah mutakāmilah*. Ilmu tasawuf pada hakikatnya mengandungi panduan-panduan dan bimbingan yang jelas bagi memenuhi salah satu daripada tiga matlamat kenabian dan kerasulan Nabi Muhammed SAW yang terkandung dalam al-Quran<sup>23</sup>. Firman Allah SWT :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأَمَمِ مِنْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتُلَوُّ عَلَيْهِمْ إِعْبُرَتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٦٢﴾

Ertinya: 2.Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

Terjemahan Surah al-Jum‘ah [62: 2]

Menerusi ilmu tasawuf, umat Islam dibimbang untuk membersihkan diri dari segala iktikad dengan proses *tazkiyat al-nafs* yang disebut dalam ilmu tasawuf sebagai *al-takhallī* dan *al-tahallī*.

1.2.2 Tujuan diutuskan Rasulullah SAW untuk memperbaik akhlak sebagaimana sabdanya:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لَأَتْمِمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

<sup>22</sup> Hj. Jahid Hj.Sidek, 2006, *Membentuk Jiwa Sufi*, c.2, Cheras: al-Falah Publications, hlm.14,15; Kuliah bulanan dan Majlis Tawajjuh di Kampung Aur, Kuala Terengganu pada 21/07/2007.

<sup>23</sup> ‘Abd Qādir ‘Isā, 1970, op.cit., hlm. 34.

Maksud Hadith : Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik<sup>24</sup>.

Melalui ilmu tasawuf berkaitan dengan usaha batin yang akan melahirkan kesan melalui anggota zahir (akhlak), jiwa yang bersih daripada sifat yang tercela merupakan penentu kepada kejayaan di dunia dan akhirat. Keruntuhan akhlak umat Islam hari ini seperti dilaporkan di akhbar *Utusan Malaysia*, iaitu menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, kes jenayah remaja meningkat pada tahun 2007 melibatkan sebanyak 8113 remaja yang berusia antara 16 tahun hingga 18 tahun berbanding pada tahun 2006, iaitu seramai 3545 pelajar<sup>25</sup>.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin berkata, jenayah membabitkan pelajar menunjukkan peningkatan. Buktinya tahun 2008 sahaja, seramai 8,809 pelajar berusia antara tujuh tahun hingga 18 tahun ditahan di seluruh negara kerana terlibat dalam kes-kes jenayah. Daripada jumlah itu, 3,683 remaja terlibat dalam jenayah kekerasan manakala selebihnya jenayah harta benda<sup>26</sup>.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, remaja berusia 16 tahun hingga 18 tahun mendahului senarai dengan 6,435 tangkapan, diikuti pelajar berusia 13 tahun hingga 15 tahun (2,227 tangkapan). Tidak kurang hebatnya,

<sup>24</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā‘īl, 1997, *Ṣaḥīḥ al-Adab al-Mufrad Lī al-Imām Būkhārī*, c.4, j.1, ḥadīth no: 207/273, tahrīq: Muhammād Naṣr al-Dīn al-Bānī, Sa‘ūdiyah: Dā’ī al-Sadīq, hlm.118.

<sup>25</sup> 17/02/2007, *Kes remaja terlibat jenayah meningkat*, Utusan Malaysia, dilihat pada 17 / 12 /2007, [http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0217&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_07.htm](http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0217&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm).

<sup>26</sup> Umarvathi Ramayah, 01/08/2009, *8,809 pelajar kes juvenil 2008*, Utusan Malaysia dilihat pada 08 / 12 / 2009, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0801&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0801&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_01.htm).

kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun turut termasuk dalam senarai itu dengan 147 tangkapan. Pelajar daripada kaum Melayu mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 72.7 peratus atau 6,401 orang diikuti India ( 10 peratus atau 876 orang ) dan Cina ( 7.3 peratus atau 641 orang )<sup>27</sup>.

Jabatan Pendaftaran Negara melaporkan statistik pendaftaran kelahiran anak luar nikah 1999-2003 sebanyak 30,978-70,430 adalah anak orang Islam<sup>28</sup>. Keruntuhan akhlak remaja ini disebabkan masyarakat melupakan pendidikan tasawuf dan memandang sepi ilmu ini sehingga telah lenyap daripada pemikiran kebanyakan manusia.

1.2.3 Ramai dalam kalangan masyarakat yang ingin mencari kebenaran dengan pelbagai cara dan kaedah penawar bagi merawat jiwa yang kosong. Ini terbukti dengan lahirnya kelas-kelas bimbingan, pengajian agama pondok, sekolah agama, kelas tahliz, kumpulan-kumpulan tarekat, pendekatan Islam Hadhari dan banyak lagi, akhirnya terdapat sebahagian masyarakat terjebak dengan perkara yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadith serta iktikad Ahlus Sunnah Wal Jamā‘ah. Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Pahang menyenaraikan hingga awal tahun 2000 sebanyak 39 kumpulan ajaran sesat yang menyeleweng atau meragukan, semuanya ini dikenal pasti masing-masing didominasikan oleh amalan kerohanian<sup>29</sup>.

<sup>27</sup> ibid.

<sup>28</sup>Subashini Rajendra, 27/11/2008, *Nasib malang anak luar nikah*, Kosmo, dilihat pada 9/02/2009, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/arkib.asp?y=2008&dt=1127&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/arkib.asp?y=2008&dt=1127&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm).

<sup>29</sup> Hj.Shukor Hj.Husin, 2000, *Kerohanian Islam:Hakikat dan Kekeliruan*, Kertas Kerja Seminar Kebatinan Scrantau, hlm.3.

1.2.4 Oleh sebab kaedah penawar bagi merawat jiwa yang kosong (*al-takhallī* dan *al-tahallī*) terkandung dalam ilmu tasawuf dan melibatkan kumpulan-kumpulan tarekat. Penolakan tasawuf-tarekat dilakukan biasanya disebabkan terdapat sesetengah amalan tarekat di negara ini disahkan bercanggah dengan al-Quran dan al-Hadith seperti ajaran tarekat Mufarridiyah<sup>30</sup> yang telah difatwakan. Apabila disebut ajaran sesat, biasanya telunjuk mengarahkan kepada tasawuf-tarekat atau seumpamanya<sup>31</sup>.

1.2.5 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-48<sup>32</sup> yang bersidang pada 3 April 2000 mengatakan fahaman *wahdat al-wujūd* menyalahi akidah Ahlus Sunnah Wal Jamā‘ah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Mengikut pendapat ijmak ulama fahaman *wahdat al-wujūd* adalah kufur dan sesiapa yang mempercayai dan mengamalkannya adalah murtad. Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat. Namun ulama tersohor dalam tarekat Ahmadiyah seperti Shaykh ‘Abd Ṣamad al-Kalantani dan ulama lain menerima dalam kitab mereka tentang *wahdat al-wujūd*. Tiada sebarang kenyataan penolakan dari majlis fatwa terhadap tarekat Ahmadiyah.

1.2.6 Membersihkan amalan tarekat dan nama baik ulama daripada tuduhan ajaran sesat kerana kesilapan dalam memahami konsep dan istilah tertentu dalam tarekat. Perbahasan mengenai *wahdat al-wujūd* yang dikatakan bertentangan dengan akidah

<sup>30</sup> *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, 2009, c.1, bab 1: Akidah, no.1, Tarekat Mufarridiyah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm.1. Lihat e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tarekat-mufarridiyah>. Keputusan: Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang bersidang pada 14 May 1980 telah membincangkan Tarekat Mufarridiyah. Persidangan telah memutuskan bahawa ajaran ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan orang-orang yang terlibat dengan ajaran ini hendaklah bertaubat.

<sup>31</sup> ‘Abdul Fatah Haron Ibrahim, 2003, *Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.1.

<sup>32</sup> *Wahdatul Wujud*, e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/wahdatul-wujud>, dilihat pada 22/12/2008.